

# INOVASI

Bil.1/2015



Kumpulan  
**KESIDANG**  
(LPPKN MELAKA)

# JOHAN

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF  
DAN KREATIF (KIK) 2014  
PERINGKAT KPWKM

# LPPKN JUARA KONVENTSYEN KIK 2014 PERINGKAT KPWKM



Berbekalkan kemenangan tempat kedua pada pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2014 peringkat LPPKN pada Oktober tahun lalu, Kumpulan Kesidang yang dianggotai oleh Fairuz Adzwyn bt Nik Hamzah, Noor Fadilah bt Harun, Mohd Shahlizan b Md Shah, Mohd Fadzly b Mohd Rashid, Nur Amzar bt Kamarudin dan Azlinawati Razali serta seorang fasilitator Johana bt Abdullah, terus mengorak langkah dengan menempa kejayaan pada pertandingan di peringkat Kementerian seterusnya dinobatkan selaku JOHAN.

Tarikh 19 Mac 2015 akan kekal menjadi tarikh keramat apabila nama LPPKN bergema di Dewan Perdana Nur, KPWKM sempena perhimpunan bulanan Kementerian. Siapa sangka tajuk yang dianggap jenaka oleh sesetengah pihak mampu membawa hasil kepada Kumpulan Kesidang.

"Kami sebenarnya tidak tahu kami berada di tempat ke berapa semasa dijemput ke majlis ini, namun apabila tempat ketiga diumumkan, kami bertambah yakin bahawa kejayaan pasti milik LPPKN," demikian menurut Anis Shafina bt Maidin, Pengarah LPPKN Melaka (kini Pengarah LPPKN Terengganu) semasa ditemui selepas majlis penyampaian hadiah.

Kumpulan Kesidang membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM2,500.00 berserta trofi dan sijil penyertaan. Hadiah disampaikan oleh YB Dato' Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

## INFO

Wakil :  
Kumpulan Kesidang  
(LPPKN Melaka)

Tajuk :  
Kesukaran Mengambil Sampel  
Papsmear Wanita Bersaiz Besar

Pencapaian :  
Johan

Jumlah Penyertaan :  
8 Kumpulan



# FACTSHEET: KE ARAH PENYEBARAN MAKLUMAT KEPENDUDUKAN KEPADA MASYARAKAT UMUM.

Penulis : Azian binti Abdul Hamid, Bahagian Kependudukan

Maklumat kependudukan merupakan maklumat yang selalunya dianggap sebagai *dry subject* oleh masyarakat. Ramai yang tidak menyedari bahawa maklumat kependudukan sebenarnya memberi informasi berguna terhadap pembangunan sesebuah negara. Antara maklumat kependudukan yang memberi impak langsung kepada isu berkaitan penduduk termasuk penuaan, perkahwinan, perancang keluarga, kesuburan, kesihatan reproduktif, pendidikan dan migrasi adalah data dan statistik yang diperolehi melalui kajian yang dilakukan.

Menyedari peri pentingnya penyebaran maklumat kependudukan ini kepada masyarakat, bermula tahun 2013, Bahagian Kependudukan LPPKN telah menerbitkan *Factsheet* yang boleh diperolehi secara percuma di Bahagian ini atau dalam bentuk pdf melalui Laman Web LPPKN ([www.lppkn.gov.my](http://www.lppkn.gov.my)).

Tajuk *Factsheet*:

- Malaysia at a glance, 2010
- Women's New Economic Impetus
- In Brief: Family Planning in Malaysia
- Malaysia Demographic Trends
- Internal Migration in Malaysia

Dengan adanya maklumat-maklumat ini, diharap agar masyarakat umum lebih memahami perihal kependudukan di negara ini.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAWATAN INSPEKTORAT KESINAMBUNGAN PELAKSANAAN EKSA 2015 OLEH MAMPU

Setelah setahun dianugerahkan sijil Ekosistem Konduksif Sektor Awam (EKSA) pada 1 Mac 2014, pihak Unit Pemodenan Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) mengadakan lawatan inspektorat ke LPPKN pada 25 Februari 2015 lalu bagi memastikan kesinambungan perlaksanaan terhadap perkara tersebut. Semakan dokumen dan pemerhatian dilakukan oleh Puan Rasidah binti Ibrahim, Ketua Penolong Pengarah Kanan dan Puan Nurini binti Perdana, Penolong Pengarah, MAMPU. Sebagai makluman sahlaku sijil EKSA adalah tiga tahun iaitu sehingga 1 Mac 2016.



## LAWATAN PENANDA ARAS AMALAN 5S DI LPPKN OLEH JABATAN/AGENSI LUAR

Pengiktirafan cemerlang EKSA oleh MAMPU kepada LPPKN secara tidak langsung menjadikan LPPKN sebagai agensi rujukan dan contoh kepada jabatan dan agensi lain. Ini terbukti dengan beberapa siri lawatan yang diterima sepanjang Januari lalu. Antara objektif lawatan adalah untuk melihat dan mempelajari perlaksanaan EKSA bagi dilaksanakan pula di agensi masing-masing.

Bil.	Tarikh	Jabatan /Agensi	Jumlah Pelawat
1	19 Januari 2015	Unit Penilaian Dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya	24
2	21 Januari 2015	Bahagian Hub Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	17
3	29 Januari 2015	Jabatan Ukur Bahan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Perancangan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	20



# Program “CLIMB FOR MARRIAGE” 2014

Penulis :  
Nor Azimah binti Ahmad  
Bahagian Pembangunan Keluarga

**S**ebuah Program NGO dalam usaha mengumpul dana bagi perlaksanaan program perkahwinan Focus On The Family. Penglibatan LPPKN adalah sebagai sokongan terhadap usaha tersebut bagi mengukuhkan institusi keluarga di Malaysia. Di samping itu, secara tidak langsung menggalakkan pasangan berkahwin sentiasa meluangkan masa berkualiti dan ceria bersama.

“Perkahwinan diibaratkan seperti kisah pendakian gunung yang tinggi. Ia adalah satu perjalanan jauh yang sangat bermakna dan perlu dilakukan secara perlahan-lahan tetapi berterusan. Berbekalkan ketekunan dan kesabaran nescaya apa jua rintangan dan halangan dapat dilalui bersama-sama dan itulah sebenarnya kejayaan sejati,” demikian menurut YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam ucapan beliau sempena lepasan para peserta pendakian.



YBhg. Dato' Dr. Siti Norlasiah bt Ismail, Ketua Pengarah LPPKN bersama peserta LPPKN yang menyertai program tersebut.



Sebilangan peserta hanya sempat tiba di Sayat-Sayat pada ketinggian 3,668m sebelum diarah berpatah balik ke Laban Rata akibat cuaca buruk.



## INFO

Tarikh : 14 – 18 September 2014  
Tempat : Gunung Kinabalu  
Peserta : 26 Orang (Termasuk 6 Pasangan Suami Isteri, 1 Pasangan Bapa & Anak)  
Peserta LPPKN: 5 Orang

Dirasmikan Oleh YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

Merupakan Salah Satu Program Kempen “I Do! Married For Love. Married For Life”.



Tahniah kepada Mohd. Maksom b Zulkafly dan Nor Azimah bt Ahmad menjadi peserta pertama tiba di puncak dan membawa bersama nama LPPKN.



Lima lagi peserta berjaya menawar puncak pada hari ke empat termasuk Jimbau Munggat dan Alexilton Kandahoi, LPPKN.



Bersedia untuk perjalanan turun dari Laban Rata ke Timpong Gate.



Wajah ceria peserta selepas dianugerahkan sijil ‘berwarna’ sebagai tanda kejayaan mencapai kaki di puncak Kinabalu. Bagi peserta yang tidak dapat sampai ke Low's Peak hanya diberikan sijil ‘hitam putih’.

# APAKAH KAITAN PENYAKIT DIABETIS MELLITUS DENGAN SERANGAN JANTUNG?

Penulis :  
Hasnoorina Husin,Sofia Md. Yusop,  
Nurul Ain Abdul Razak dan  
Mohamad Ayob Othman  
Bahagian Reproduksi Manusia

**P**enyakit jantung koronari merupakan penyebab utama kematian di Malaysia terutamanya di kalangan penduduk pertengahan umur dan warga tua. Malangnya masih ramai yang tidak mengetahui bahawa diabetis mellitus boleh menyebabkan seseorang itu mendapat serangan atau penyakit jantung terutamanya penyakit jantung koronari.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2006 yang melibatkan hampir 40,000 penduduk Malaysia, hampir 15 peratus orang dewasa yang berumur 30 tahun ke atas merupakan pesakit diabetis mellitus. Jumlah ini menunjukkan peningkatan mendadak berbanding kajian sama yang dibuat pada tahun 1996 iaitu hanya 8.3 peratus sahaja menghidapi penyakit diabetis mellitus. Ini bermakna, seorang daripada setiap tujuh orang dewasa yang berumur 30 tahun ke atas adalah penghidap penyakit diabetis mellitus dan yang lebih membimbangkan ialah hampir separuh daripada jumlah tersebut tidak menyadarinya.

Peningkatan penghidap penyakit ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang amat ketara antaranya ialah pengurangan aktiviti fizikal, gaya hidup dan tabiat pemakanan yang tidak sihat. Selain itu, kandungan gula dan kolesterol yang tinggi dalam darah juga merupakan faktor utama. Tinjauan yang sama juga mendapat hampir 44 peratus penduduk dewasa negara ini mempunyai masalah berat badan yang berlebihan atau obesiti yang merupakan faktor utama kepada pelbagai jenis penyakit termasuk penyakit diabetis mellitus.

Bacaan glukosa dalam darah normal bagi berpuasa adalah antara 3.5 mmol / L – 5.9 mmol/L, manakala bagi yang tidak berpuasa adalah antara 4.2 mmol/L – 7.8 mmol/L.

Umumnya, seseorang pesakit diabetis mellitus mempunyai risiko tiga kali ganda menghidapi penyakit jantung berbanding mereka yang sihat. Jika pesakit diabetis mellitus mendapat penyakit jantung, risiko lain seperti komplikasi dan kegagalan jantung sehingga boleh menyebabkan kematian juga adalah dua kali ganda lebih tinggi.


Berdasarkan satu kajian terperinci, dua pertiga daripada pesakit diabetis mellitus meninggal dunia akibat penyakit jantung dan ini merupakan satu jumlah yang amat besar berbanding dengan kelompok penyakit yang lain.



## Tips Pencegahan

- Amat penting bagi seseorang pesakit diabetis mellitus untuk mengawal paras gula dalam darah kerana ia boleh mengurangkan risiko penyakit jantung.
- Mengamalkan pemakanan sihat, melakukan aktiviti-aktiviti fizikal yang bersesuaian dan mengambil ubat-ubatan yang disyorkan oleh doktor.
- Mengawal secara konsisten kandungan kolesterol dalam darah, tekanan darah dan elak berat badan yang berlebihan.
- Sentiasa memberi perhatian serius kepada pesakit diabetis mellitus yang mengalami tanda awal serangan penyakit jantung seperti sakit dada, sesak nafas dan terasa amat letih apabila melakukan aktiviti fizikal seperti menaiki tangga dan mengangkat barang berat.

## Tips Penggunaan Mesin Meter Glukosa



Antara mesin yang digunakan adalah Accu-Chek Performa. Ujian untuk menentukan tahap glukosa dalam darah boleh dibuat di rumah dengan menggunakan mesin meter glukosa ini. Teknik mudah untuk melakukan ujian ini di rumah adalah seperti berikut:

1. Mencuci dan membersihkan tangan.
  2. Semak tarikh luput strip. Jangan menggunakan strip yang telah luput.
  3. Masukkan strip dalam meter glukosa.
  4. Letakkan darah pada hujung strip sehingga mencukupi.
  5. Tunggu untuk mendapatkan bacaan glukosa.
  6. Buang strip dan lancet di tempat yang bersesuaian.
- Mereka yang berumur 30 tahun ke atas dinasihatkan untuk menjalani saringan kesihatan secara berkala sebagai langkah awal pengesanan penyakit diabetis seterusnya boleh mengelakkan serangan jantung mengejut.
  - Kunjungi mana-mana klinik atau pusat kesihatan termasuk Klinik Nur Sejahtera LPPKN untuk saringan kesihatan ini.
  - Program outreach kesihatan dijalankan oleh LPPKN Negeri sepanjang tahun.

# PROGRAM KARNIVAL ILMU 2014



Pelbagai aktiviti menarik sempena cuti persekolahan akhir tahun dianjurkan oleh banyak pihak di seluruh Negara semata-mata untuk mengisi masa terluang pelajar dengan perkara berfaedah dan bermanfaat.

LPPKN melalui Unit Pusat Sumber tidak terkecuali dan telah menganjurkan program yang diberi nama Karnival Ilmu 2014 dengan kerjasama Berita Publishing Sdn. Bhd, Dulux, Gardenia Bakeries [KL] Sdn.Bhd, Syarikat Penerbitan PTS dan Puan Ilani Yaacob dari Fancycookies pada 25 dan 26 November yang lalu.

Program tahunan yang mula diperkenalkan pada tahun 2009, diadakan di Dewan Besar Tingkat 22, Bangunan LPPKN telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Siti Norlasiah bt Ismail, Ketua Pengarah LPPKN dengan kehadiran lebih 150 orang peserta yang terdiri daripada warga LPPKN serta ahli keluarga.

Objektif Program Karnival Ilmu pada tahun ini adalah untuk memupuk dan membudayakan semangat cintakan ilmu di kalangan warga LPPKN dan anak-anak di samping mendekatkan warga LPPKN dengan peranan Unit Pusat Sumber sebagai rakan organisasi pembelajaran (learning organisation) menerusi pelaksanaan program ilmu, penyediaan bahan bacaan dan pusat perkhidmatan rujukan.

Antara aktiviti yang dijalankan selama dua hari tersebut ialah pameran dan jualan buku, terapi warna, dekorasi biskut, aktiviti mewarna kanak-kanak dan pertandingan gaya ibu/bapa dan anak.



# APAKAH YANG DIMAKSUDKAN INOVASI?

Kebanyakan kamus memberi makna inovasi sebagai pembaharuan atau perubahan. Manakala, beberapa individu lain memberikan definisi inovasi seperti berikut:

#### Ronger E. Miller (1971)

Inovasi merupakan idea, amalan atau objek yang dianggap baru oleh seseorang.

#### Zaltman et. al (1973)

Inovasi ialah idea, latihan atau bahan artifak yang kelihatan baru pada unit yang menggunakannya.

#### ACEID (1977)

Inovasi ialah '*an effort to introduce a practice in order to bring about a social change. The practice need not be totally new, its efficiency and potentially in a new context are the main criteria used in labelling it as innovation. The emphasis is on change in terms of providing a strategy to deal with a specific local or national problem*'.

#### Damapour (1991)

Inovasi sebagai menggenerasi perkembangan dan penggunaan idea baru pada organisasi.

#### Spencer (1994)

Inovasi ialah sesuatu yang dianggap baru dan lebih baik daripada yang lama oleh seseorang individu.

#### Oldham dan Cuming (1996)

Inovasi ialah kejayaan aplikasi pertama pada sesuatu produk atau proses.

#### Sufean Hussin (2001)

Dalam kertas kerjanya pada Seminar Dasar dan Pengurusan Pendidikan menyatakan inovasi bermaksud pembaharuan, modifikasi, atau membaiki idea, benda, ilmu dan ciptaan seni budaya tamadun dengan tujuan memenuhi fungsi-fungsi tertentu atau memenuhi cita rasa tertentu atau memenuhi pasaran tertentu.

Walau apapun maknanya, yang paling utama ialah sesiapa yang bercita-cita untuk menghasilkan sesuatu penambahbaikan terhadap perkara sedia ada merupakan individu istimewa yang tidak akan berputus asa walau apa halangan dan rintangan yang dihadapi.

# JERMAN LARANG HANTAR E-MEL KERJA LEPAS KERJA

Sumber : <http://www2.hmetro.com.my>

**B**erlin: Kerajaan Jerman dijangka mewujudkan undang-undang baharu pada 2016 yang melarang pekerja menghantar dan menerima e-mel berkaitan kerja selepas jam 6.00 petang. Perubahan yang bakal dicadangkan itu berdasarkan hasil kajian diarahkan dilakukan oleh Menteri Buruh Andrea Nahles. "Keadaan kerja seperti itu memang menyebabkan gangguan terhadap kesihatan mental seseorang," katanya.

E-mel memang menjadi bahagian penting dalam kerja harian malah kajian menunjukkan lebih suku hari bekerja (28 peratus) kini dihabiskan dengan hanya membaca atau membelas e-mel. Bagaimanapun, disebabkan ia memudahkan komunikasi, pertukaran e-mel sebenarnya bererti pengguna tidak lagi bekerja sekadar dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Malah, satu lagi kajian pada 2012 menunjukkan waktu kerja secara am kini bermula pada jam 7.17 pagi dan berakhir pada 7.02 malam kerana golongan pekerja terpaksa memeriksa e-mel termasuk menggunakan telefon pintar.

Jika Jerman meluluskan perubahan itu, ia akan menjadi undang-undang pertama dunia yang mengehadkan e-mel selepas waktu kerja. Sebelum ini, ada kesatuan pekerja di Perancis menandatangani perjanjian bagi membolehkan golongan pekerja tidak mengendahkan e-mel selepas bekerja 13 jam.

\*Mungkin negara lain juga boleh mengambil contoh ini bagi mengurangkan kadar stress kalangan pekerja.



# KUTIPAN HASIL TERTINGGI KLINIK NUR SEJAHTERA TAHUN 2014

Sumber : Unit Pembangunan Perniagaan, LPPKN

**B**agi menjamin kutipan hasil di Klinik Nur Sejahtera LPPKN seluruh Negara terus meningkat, pelbagai pendekatan telah diperkenalkan oleh Unit Pembangunan Perniagaan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kutipan Hasil LPPKN. Antaranya ialah menjadikan klinik yang berpendapatan bawah paras RM3,000.00 sebulan sebagai klinik angkat kepada Bahagian dan Unit di LPPKN Ibu Pejabat. Pemantauan berkala dan perancangan inisiatif program dilakukan secara bersama sebagai galakan kepada usaha ini. Tiga klinik yang berjaya mencapai kutipan hasil tertinggi akan diberikan sijil perhargaan untuk dipamerkan di klinik masing-masing.

Barikut adalah klinik yang mencapai kutipan tertinggi bagi tahun 2014:



# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

YBhg. Dato' Dr. Siti Norlasiah Ismail  
*Ketua Pengarah LPPKN*

## PENASIHAT

En. Nasaruddin Abdul Muttalib  
*Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)*

## KETUA EDITOR

En. Adzhar Ismail  
*Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan*

## SUBEDITOR/PRUF 1

Pn. Rosmonaliza Abdul Ghani  
*Ketua Unit Komunikasi Korporat*

## SUBEDITOR/PRUF 2

Pn. Shahriah Saharom  
*Ketua Unit Pentadbiran Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan*

## GRAFIK & FOTO

En. Rizal Shazly Salihuddin  
En. Nor Mazlan Mohammad  
*Unit Komunikasi Korporat*

## KOLUMNIS

Pn. Sofia Yusop  
*Bahagian Reproduksi Manusia*

Cik Nor Azimah Ahmad  
*Bahagian Pembangunan Keluarga*

Pn. Azian Abd Hamid  
*Bahagian Kependudukan*

En. Rozi Muda  
*Bahagian Perancangan Korporat*

Pn. Noraizah Mustapha  
*Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan*

Pn Hasnah A.Bakar  
*Bahagian Pembangunan Sumber Manusia*

Pn. Noor Azlina Md. Amin  
*Bahagian Teknologi Maklumat*

Pn. Fizalini Kiprawi  
*Unit Pembangunan Perniagaan*

En. Zaharin Bakri  
*Unit Komunikasi Korporat*

En. Mohd Zulfadly Zainal  
*Unit Perundangan*

## KOORDINATOR

Pn. Nor Aziah Mohamed Mahayudin  
*Sub Unit Inovasi*